☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 7/4/2012
Hari: SABTU M/S: 12
Ruangan: RENCANA

Bukan mudah mengurus kewangan

Oleh ROHAMI SHAFIE

HARGA minyak dunia meningkat lagi baru-baru ini! Maka, berulanglah episod sama yang menjadikan penduduk dunia berasa amat khuatir. Khuatir kerana tidak mampu membayar harga minyak tersebut.

Tidak kurang juga, khuatir dek kerana harga barangan dan perkhidmatan bakal meningkat. Kesannya bukan kepalang.

Peruntukan subsidi negara terpaksa dikurangkan. Syarikat bakal mengalami peningkatan kos. Kocek pengguna akhir pula semakin berkurangan untuk belanja-belanja lain.

Nasib baiklah di Malaysia tiada pengumuman kenaikan harga minyak. Kalau tidak, mahu berduyun-duyun kenderaan beratur panjang di stesen minyak sehari sebelum pelaksanaan harga baru minyak.

Tiada siapa pernah lupa kenaikan harga minyak di Malaysia beberapa tahun lalu. Rakyat amat terasa bahangnya. Ketika itu, rakyat mengeluh!

Jangan sesekali mengulangi kesilapan lalu dengan menaikkan harga minyak sesuka hati. Tanpa menaikkan harga minyak subsidi terpaksa ditingkatkan.

Apabila subsidi ditingkatkan maka peruntukan kerajaan untuk perkara lain terpaksa dikurangkan. Sampai bila negara dapat menanggungnya? Hanya masa akan menentukannya.

Bukan mudahkan mengurus kewangan negara. Begitu juga tidak mudah mengurus kewangan individu. Kalau tidak, tidaklah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ditubuhkan semata-mata untuk membantu individu bermasalah kewangan secara percuma.

Sudah begitu ramai rakyat Malaysia dibantu oleh AKPK termasuklah yang beria-ria nak mudah jadi kaya melalui pelaburan skim cepat kaya.

Nampak jelas ramai yang tidak mahir mengurus kewangan sampaikan hutang keliling pinggang. Kalau tidak, masakan Bank Negara Malaysia terpaksa mengetatkan syarat pinjaman berdasarkan pendapatan bersih bagi memastikan hutang isi rumah tidak terlalu tinggi.

Tetapi kesan sebaliknya ke atas industri automotif. Kereta banyak tersadai kerana tidak dapat dijual.

Tersilap percaturan mengurus kewangan bukan sahaja syarikat mahupun individu terjerumus ke lembah kebankrapan tetapi negara juga boleh muflis. Jadi, mengurus kewangan bukanlah semudah disangka.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Pusat Pengajian Perakaunan (SOA) dan Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan Pengurusan dan Perniagaan (IMBRE) Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia